



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

::SKIM ZAMALAH KHAS-MyRA::

[V1-2016]

SENARAI KANDUNGAN

BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)

- 1.1 Tujuan Skim Geran Zamalah Khas-MyRA
- 1.2 Bidang Penyelidikan
- 1.3 Kelayakan
- 1.4 Syarat Permohonan
- 1.5 Peraturan Permohonan
- 1.6 Kaedah Penilaian
- 1.7 Peraturan Kewangan
- 1.8 Kriteria Permohonan
- 1.9 Hasil Penyelidikan
- 1.10 Tarikh Buka & Tarikh Tutup Permohonan

BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)

- 2.1 Penilaian Skim Geran Zamalah Khas-MyRA

BAHAGIAN 3 (KEPUTUSAN)

- 3.1 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan

BAHAGIAN 4 (PEMANTAUAN)

- 4.1 Implementasi Projek

BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)

1.1 Tujuan

- 1.1 Memberi kemudahan bantuan sara hidup kepada pelajar siswazah cemerlang yang tidak dibiayai oleh mana-mana geran/ dana.
- 1.2 Membolehkan pelantikan felo siswazah bagi menjalankan penyelidikan yang berpotensi mendapat output yang baik.

1.2 Kelayakan

1.2.1 Skim ini terbuka kepada :

- i) Skim ini terbuka kepada semua siswazah Master/Ph.D yang berada di peringkat akhir pengajian dan tidak mempunyai pembiayaan.
- ii) Staf Cuti Belajar atau pelajar yang dibiayai oleh biasiswa atau dermasiswa mana-mana badan **tidak layak** untuk memohon Skim Zamalah Khas- MyRA.

1.3 Syarat Permohonan

- 1.3.1 Setiap pemohon hanya dibenarkan untuk memohon **SATU** (1) kali sahaja setahun.
- 1.3.2 Tempoh maksimum pembayaran elaun sara hidup adalah untuk selama enam (6 bulan) sahaja tertakluk kepada penilaian tiga (3) bulan pertama.
- 1.3.3 Pelajar siswazah yang dicalonkan dan pernah dibayar menggunakan geran ini tidak boleh dicalonkan lagi.
- 1.3.4 Pemohon mestilah pelajar yang sedang mendaftar sebagai pelajar master/Ph.D sepenuh masa.
- 1.3.5 Dana ini bukan bertujuan untuk membiayai yuran pengajian.

1.4 Peraturan Permohonan

- 1.4.1 Permohonan hendaklah menggunakan **Borang Permohonan Zamalah Khas-MyRA** yang terkini yang boleh dimuat turun dari Ecomm UMK.
- 1.4.2 Permohonan ini hanya dibuka kepada calon yang menepati bidang (perenggan 1.2) dan syarat permohonan (perenggan 1.3) di atas sahaja.
- 1.4.3 Borang permohonan yang telah lengkap dan disahkan mestilah dihantar **sebanyak tiga (3) salinan** kepada Sekretariat/Urusetia Penyelidikan Universiti di alamat berikut:

Unit Pengurusan Dana & Geran Penyelidikan
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
Universiti Malaysia Kelantan
Kampus Pengkalan Chepa
16100 Kota Bharu, Kelantan

No. Telefon : 09 – 771 7110
No. Faks : 09 – 771 7112

1.5 Kaedah Penilaian

- 1.5.1 Semua Permohonan akan dinilai pada peringkat RMIC dan pertimbangan dan kelulusan Pengarah RMIC.
- 1.5.2 Calon yang disenarai pendek akan dipanggil oleh urusetia untuk ditemuduga

1.6 Hasil Penyelidikan

1.6.1 Penerbitan dan output

- i. Sekurang-kurangnya mesti menghasilkan satu(1) penerbitan jurnal yang berimpak tinggi dan berindeks.
- ii. Penghargaan kepada geran **mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.**
- iii. Setiap produk yang dihasilkan melalui projek ini dimestikan untuk memohon pendaftaran Harta Intelek di dalam Negara atas nama Universiti Malaysia Kelantan.

- iv. Hasil pengkomersilan dari projek penyelidikan di bawah geran ini mestilah diurus dan diagihkan mengikut Polisi Pengkomersilan Universiti yang sedang berkuatkuasa.

1.7 Peraturan Kewangan

1.7.1 Prosedur pembayaran elaun sara hidup mengikut prosedur kewangan sedia ada universiti

1.8 Kriteria Pemilihan

1.8 Setiap permohonan harus memenuhi kriteria seperti berikut:-

- a) Calon pelajar siswazah yang dilantik hendaklah mempunyai kriteria berikut:
 - i. Lulusan sarjana muda dengan CGPA minima 3.0
 - ii. Mesti mempunyai kelulusan yang berkaitan dengan projek yang ditindikan
 - iii. Telah mendaftar sebagai pelajar master/ Ph.D.

1.9 Tarikh Buka dan Tutup Permohonan

1.9.1 Tempoh permohonan adalah **selama satu (1) bulan** selepas tarikh buka diumumkan.

BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)

- 2.1 Permohonan hendaklah dimajukan melalui penyelia dan mendapat sokongan Dekan/ Pengarah
- 2.2 Permohonan yang telah lengkap hendaklah dimajukan kepada pihak RMIC.
- 2.3 Sekretariat/Urusetia akan menghubungi pemohon melalui emel/surat untuk memaklumkan maklumat tarikh, masa dan tempat temuduga tersebut diadakan berserta dengan slot giliran pembentangan masing-masing.
- 2.4 Pemohon digalakkan untuk menyediakan *slide* pembentangan ringkas yang merangkumi latar belakang penyelidikan, objektif penyelidikan, metodologi penyelidikan dan jangkaan output penyelidikan yang dihasilkan oleh projek tersebut.

BAHAGIAN 3 (KEPUTUSAN)

3.1 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan

- 3.1.1 Surat makluman kelulusan dan cabutan minit mesyuarat akan dihantar kepada pemohon yang berjaya untuk tujuan rekod.
- 3.1.2 Jumlah peruntukan yang disalurkan adalah berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang dinyatakan bagi skim Zamalah-MyRA.
- 3.1.3 Keputusan panel penilai adalah muktamad.

BAHAGIAN 4 (PEMANTAUAN)

- 4.1 Pelajar siswazah perlu melakukan pembentangan selepas 3 bulan untuk dinilai oleh Pihak Pengurusan RMIC.